

## KOMUNIKASI BERKESAN DALAM PERSEMBAHAN PUISI ARTISTIK RAHMAN SHAARI

### EFFECTIVE COMMUNICATION IN THE PRESENTATION OF RAHMAN SHAARI'S ARTICLES PUFF

Rahayu Akhesah; Mohd Rosli Saludin; Ghazali Din

Institut Peradaban Melayu,

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak

ayusisc@gmail.com

### ABSTRAK

Rahman Shaari merupakan seorang penyair, penulis bebas dan ahli akademik negara. Bagi mendepani unsur sastera dalam ruang peradaban Melayu, beliau masih terus aktif menulis dan berkarya dalam pementasan puisi dan membimbing para penyair angkatan muda sebagai pelapis budaya bangsa. Beliau sentiasa gigih dalam usaha mengangkat martabat puisi Melayu di mata dunia sehingga beliau dianugerahkan S.E.A Write Awards atau Anugerah Penulis Asia Tenggara pada tahun 2007 yang merupakan anugerah sastera berprestij bagi menghargai sumbangan para penulis bidang kesusastraan di Asia Tenggara. Kajian bertajuk '*Komunikasi Berkesan Dalam Persembahan Puisi Artistik Rahman Shaari*' ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji beberapa sajak Rahman Shaari yang turut membina komunikasi berkesan dalam persembahan artistik puisi Rahman Shaari. Kajian ini juga menerapkan Teori Stilistik bagi mengkaji tentang bahasa yang diterapkan dalam hasil karya sajak beliau. Metodologi kajian ini melibatkan penyelidikan kualitatif berasaskan kajian teks. Hasil kajian ini penting untuk mengapresiasi sumbangan Rahman Shaari dalam bidang puisi dan berharap kajian ini menjadi pendorong untuk beliau terus menulis dalam dalam bidang puisi dan terus berjuang dalam menghasilkan karya dalam penghasilan sajak yang sesuai dengan elemen artistik yang sentiasa ditampilkan apabila beliau muncul dalam setiap persembahan pentas sajaknya. Secara kesimpulannya, kajian ini dapat membuktikan sumbangan Rahman Shaari ini penting dalam memartabatkan bidang puisi yang turut dapat mendidik seseorang individu membina komunikasi berkesan terutama dalam tingkah laku dan minutur bicara.

**Kata kunci:** Sajak, Artistik, Naratif, Appresiasi, Komunikasi, Sumbangan.

### ABSTRACT

*Rahman Shaari is a poet, a free writer as well as a national academia. In order to anfront with the literary elements in Malay Civilization, he is still actively writing and working towards the poetry presentation and coaching the young poets. He always intensely towards the effort in lifting the dignity of Malay poetry at the eyes of the world and finally he was awarded with S.E.A White Awards or South East Asia Writer Awards in 2007 which is the prestigious literary award in order to appreciate their contribution in writing. The research entitles 'Komunikasi Berkesan Dalam Persembahan Puisi Artistik Rahman Shaari' is aimed to study some artistic poems by him that builds individual self-skills in effective communication. This study also applies Stilistic Theory to study the language applied in the works of his poem. The methodology used in study involves qualitative research based on text studies. The findings of this study are important to appreciate the contributions of Rahman Shaari's work of art and hoping that this study will encourage him to continue in producing poems that suits with artistic element showed by him during his poetry performance. In conclusion, this research can prove that Rahman Shaari's contribution is important in upholding the poetry field that can also educate individuals to build their own skills in effective communication especially behavior and in speech.*

**Keywords:** Poetry, Artistic, Narrative, Appreciation, Communication, Contribution.

## PENGENALAN

Dalam mengharungi dunia puisi, Rahman Shaari telah banyak melahirkan beberapa buah puisi yang bertemakan alam, cinta, politik, masyarakat, agama dan sebagainya. Sumbangan beliau begitu besar dalam bidang puisi dan usaha beliau dalam memartabatkan puisi dalam dunia kesusasteraan telah menghasilkan beberapa buah kumpulan puisi, iaitu ‘Hamparan Kuning’ (1976), ‘Kesan Kunjungan’ (1982), ‘Seriwan Diri’ (1987), ‘Selamat Pagi Fajar’ (1989), ‘Melati dan Bahang’ (1994) ‘Anjung Deklamator’ (2005), ‘Anjung Persinggahan’ (2006), dan terbaru ‘Penunggang Kenyataan’ (2015).

Menurut Rosli Saludin (2008, hlm.v), dalam kalangan penulis dan penyair, Rahman Shaari dikenali sebagai ‘Al Hafiz’ puisi yang mana beliau menghafal lebih 200 sajak karya sajaknya dan karya sajak penyair yang lain sebelum beliau mendeklamasikannya di pentas puisi. Antara sajak-sajak penyair Malaysia yang dihafal ialah ‘Ke Makam Bonda’ karya Usman Awang, ‘Dialog’ karya Kassim Ahmad, ‘Kucuba Bunuh Engkau’ karya Nahmar Jamil dan banyak lagi. Beliau yakin dengan menghafal puisi tersebut maka penghayatan dan maksud yang ingin disampaikan dalam puisi berkenaan akan menjadi lebih berkesan dan terkesan di hati khalayak.

Bukan sahaja beliau mampu menghafal puisi yang hendak dideklamasikan malahan beliau sentiasa kekal dengan elemen artistik dalam setiap persembahan puisi beliau. Menurut Rahman Shaari, seseorang deklamator perlu bersedia dengan semangat, rasa cinta, kreativiti, kesanggupan dan bakat. Kelima-lima elemen ini penting dalam persembahan sajak. Jika tiada, deklamasi hanya akan menjadi ‘pertunjukkan’ murahan. Hadiri tidak berasa puas dan tidak berasa kagum. Khalayak akan berkira-kira dan keliru untuk memberi tepukan (2008, hlm.xvii).

Oleh itu, kajian ini sangat signifikan bagi mengetengahkan ketokohan beliau terutama dalam sajak-sajak beliau dan kajian ini berfokus kepada komunikasi berkesan yang jelas dalam persembahan puisi artistik beliau.

## PEMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada komunikasi berkesan yang terhasil daripada setiap dalam persembahan puisi artistik Rahman Shaari. Beliau sentiasa menerapkan seni persembahan artistik dalam setiap persembahan puisi beliau sehingga lahirnya buku ‘Anjung Deklamator’ pada tahun 2005 yang bertujuan untuk membimbang persembahan puisi artistik. Rahman Shaari sentiasa percaya bahawa mimik muka, perubahan suara, gerak tubuh, dan hal-hal yang berkaitan dengan teater dan drama amat penting difahami oleh deklamator. Rahman Shaari turut mengatakan bahawa seseorang yang muncul di pentas dengan wajah buah kelapa akan dianggap gagal jika wajahnya kekal seperti buah kelapa hingga akhir persembahan. Wajah deklamator hendaklah berubah menjadi buah durian, nanas, tembikai dan lain-lain. Begitulah perumpamaannya yang diberi dalam menyampaikan sajak yang mempunyai jiwa (Mohd Rosli Saludin, 2008, hlm.vi). Hal ini demikian, maka kita perlu mengkaji pelbagai aspek yang terkandung dalam dunia persembahan puisi artistik beliau yang turut menzahirkan aspek ciri-ciri komunikasi berkesan.

Jika selama ini penampilan beliau dalam pementasan puisi dengan penuh penghayatan serta menerapkan unsur artistik telah mempesonakan sidang khalayak. Apatah lagi, beliau berusaha menghafal puisi yang akan dideklamasikannya kerana bagi beliau jika tidak sesebuah puisi itu sukar untuk disampaikan maknanya. Justeru, Rahman Shaari begitu memperlihatkan kesungguhan dalam dunia puisi yang wajar diteladani oleh penulis muda yang bakal menjadi pewaris warisan negara. Kesungguhan beliau dalam menghidupkan puisi serta pemikiran beliau yang dilahirkan melalui ciptaan puisi amat mengagumkan (Manu Sikana, Sastera Melayu Pascamodenisme, hlm. 261).

Mohd Yahya Mohamed Ariffin dalam Utusan Malaysia bertarikh 29 Oktober 2007 bertajuk ‘Angkat Martabat Pemuisi’ turut berpendapat bahawa kejayaan Rahman Shaari menerima anugerah S.E.A Write Awards itu tidak hanya menaikkan bidang sastera malah melonjakkan profesion akademik negara ini khususnya Universiti Malaya (UM) yang mana beliau adalah ahli akademik Universiti Malaya kedua yang menerima selepas A.Wahab Ali pada waktu itu.

Dengan demikian, setiap usaha Rahman Shaari yang sentiasa mempersemprehan sajak-sajaknya yang mempersonakan khalayak, sudah pasti tidak dapat dipisahkan dengan komunikasi berkesan yang berlaku dalam setiap elemen persembahan puisi artistik beliau. Maka, kajian perlu dilakukan bagi membuktikan puisi juga dapat melahirkan komunikasi berkesan. Kajian ini juga dapat memastikan kesinambungan khazanah warisan dalam puisi ini teruskan zaman berzaman. Hasil kajian ini dapat membuktikan budaya komunikasi berkesan juga wujud dalam puisi dan ia dapat membuka mata rakyat Malaysia bahawa sajak turut dapat mendidik budaya komunikasi berkesan dalam kalangan murid, pelajar universiti dan juga khalayak agar berkeyakinan ketika berkomunikasi. Ini penting bagi melahirkan modal insan yang cemerlang dan bakal memimpin negara suatu masa nanti.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji aspek komunikasi berkesan berdasarkan persembahan puisi artistik hasil karya Rahman Shaari. Secara tersiratnya, hasil karya beliau melambangkan jiwa beliau yang begitu mencintai bidang puisi. Lantaran itu, sehingga kini lebih daripada lima kumpulan puisi telah dihasilkan oleh beliau. Jika sebelum ini, pengkaji telah mengkaji aspek artistik, aspek estetika dan kepengarangan beliau dalam bidang puisi, maka kali ini kajian ini berfokuskan kepada budaya komunikasi berkesan yang telah ditunjukkan dalam setiap seni persembahan sajak artistik oleh Rahman Shaari berdasarkan karya sajaknya. Dengan demikian, besarlah hasrat pengkaji agar bidang puisi ini merupakan salah satu faktor pendorong dalam membina kemahiran komunikasi berkesan terutama dalam kalangan generasi muda yang merupakan pewaris pemimpin negara.

Kajian ini juga penting bagi kesinambungan berpuisi zaman berzaman. Bahasa Melayu turut diperindah dengan adanya puisi, pepatah atau peribahasa yang menggambarkan tingkah laku manusia. Ia dizahirkan dengan gaya bahasa yang berbunga-bunga, berlapik dan penuh dengan sopan santun. Jika dahulu dalam adat istiadat orang Melayu pasti gemersik puisi diutarakan sama ada pantun, gurindam, sajak dan sebagainya dalam merisik, meminang, adat perkahwinan malah dalam bahasa perbualan seharian. Oleh itu, wajarlah puisi sama ada pantun, sajak, gurindam, seloka perlu kajian yang berterusan.

## Objektif

1. Mengenal pasti aspek komunikasi berkesan dalam persembahan puisi artistik Rahman Shaari.
2. Mengkaji bahasa yang diterapkan dalam karya sajak Rahman Shaari.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan meliputi pembacaan puisi terhadap sampel kajian kumpulan puisi Rahman Shaari iaitu ‘Anjung Deklamator’. Deklamator ialah orang yang dapat menyampaikan puisi di hadapan khalayak dengan gaya yang baik, menarik dan berkesan (2008, hlm.xiii). Buku ini dihasilkan oleh Rahman Shaari untuk memberi petua deklamasi sajak. Berdasarkan petua inilah sajak Rahman Shaari dipilih dan akan dikupas dengan menerapkan teori Stilistik sehingga sebenarnya terhasil komunikasi berkesan yang perlu disedari oleh masyarakat bahawa puisi juga merupakan tunjang kepada pembinaan kendiri individu dalam membina keterampilan diri terutama dalam aspek komunikasi. Sajak yang dipilih juga berdasarkan gaya bahasa dengan pemilihan diksi dalam sajak, puitis dan tema yang jelas. Gaya bahasa ini pula akan bersandarkan teori Stilistik. Hal ini demikian, akan memperlihatkan aspek komunikasi berkesan turut diterapkan dalam deklamasi sajak dalam setiap persembahan artistik Rahman Shaari. Stilistik bertitik tolak daripada andaian bahawa bahasa mempunyai tugas dan peranan yang penting dalam sastera. Namun, menurut M. Atar Semi, tidak semua bahasa digunakan sebagai alat komunikasi dalam kehidupan seharian dapat diterima sebagai bahasa sastera. Dalam puisi misalnya, bahasa memancarkan berbagai-bagai pengertian yang tidak ada batasnya (1993, hlm. 81)

Kaedah menganalisis data berdasarkan teori Stilistik diterapkan pada mana-mana yang bersesuaian berdasarkan enam prinsip kajian Stilistik iaitu:-

- a. penggunaan bunyi dan fonologi
- b. diksi dari sudut pendeklasianya
- c. struktur sintaksis
- d. Aspek semantic
- e. Dramatik
- f. gaya individualisme

Menurut kamus Wikipedia, ensiklopedia bebas, komunikasi boleh ditakrifkan sebagai ‘satu proses perpindahan maklumat, perasaan, idea, dan fikiran seseorang individu kepada individu atau sekumpulan individu yang lain’. Ia merupakan proses interaksi yang bererti antara hidupan dan merangkumi kedua-dua perbuatan menghantar maklumat dan proses untuk bertukar-tukar maksud supaya dapat menghasilkan pemahaman. Komunikasi boleh mengambil bentuk, baik secara lisan mahupun tidak, misalnya bahasa gerak-geri, bahasa isyarat, sentuhan, hubungan mata, dan penulisan. Komunikasi boleh dilihatkan sebagai proses untuk menghantar maklumat yang tertakluk kepada tiga tingkat peraturan semiotik iaitu:-

1. Sintaks (sifat tanda dan simbol yang formal)
2. Pragmatik (berkenaan dengan hubungan antara tanda/ungkapan dan pengguna)
3. Semantik (kajian tentang hubungan antara tanda, simbol, dan maknanya).

Oleh itu, komunikasi merupakan interaksi sosial antara sekurang-kurangnya dua ejen berinteraksi yang berkongsi satu set tanda serta satu set peraturan semiotik yang sama. Perbualan merupakan sejenis komunikasi yang kedua-dua pihaknya saling menghantar dan menerima maklumat. Teori pengawalan bersama memerihalkan komunikasi sebagai satu proses selanjar yang kreatif dan dinamik, dan bukannya penukar maklumat yang berasingan.

Dalam aspek gaya bahasa, kita perlu fahami beberapa elemen yang menghasilkan retorik yang efektif iaitu kejelasan, memudahkan, elemen ekonomi (lebih cepat), kestabilan (bagi meningkatkan kesatuan ayat atau klausa yang dibina), penegasan (emphasis) dan ketepatan (exactness) (2001, hlm. 9).

Secara kesimpulannya, sajak yang terdapat dalam kumpulan puisi ‘Anjung Deklamator’ terbahagi kepada tiga iaitu sajak-sajak yang tebal dengan unsur dekon, sajak yang tidak menyarankan latar dan kostum tertentu dan sajak biasa. Rahman Shaari menggariskan tiga petua dalam mendeklamasi sajak iaitu gaya deklamasi, teknik dan penghayatan. Ketiga-tiga puisi ini akan diselidiki elemen komunikasi berkesan pasti diterapkan dalam setiap persembahan puisi artistiknya. Dalam setiap puisi yang dipilih ini turut dikaji elemen Stilistik yang ada di dalamnya.

## **DAPATAN KAJIAN**

Aspek komunikasi berkesan dalam persembahan puisi artistik Rahman Shaari adalah berdasarkan kumpulan puisi Anjung Deklamator. Kajian ini juga meneliti diksi dalam beberapa puisi yang terkandung dalam kumpulan puisi ini dengan mengaplikasikan teori Stilistik. Gaya bahasa dalam setiap dimensi bahasa sama ada pemilihan sintaksis, diksi, makna dan sebagainya dikaji untuk mendapatkan stail.

Seterusnya, kajian bermula dengan pemilihan sajak iaitu ‘gaya deklamasi’ yang terkandung dalam kumpulan puisi ‘Anjung Deklamator’. Sajak bertajuk ‘Gadis dengan bulu Ayam’ telah dihasilkan pada tahun 1989 memberikan kesan yang amat mendalam terhadap khalayak terutama daripada aspek penceritaan dan gaya persembahan Rahman Shaari. Berikut diperturunkan sajak tersebut.

Banyak yang tersirat dalam sajak ‘Gadis dengan Bulu Ayam’. Menurut Rahman Shaari, sajak ini memerlukan watak sepasang muda mudi yang boleh dihadirkan ke pentas untuk menyebabkan khalayak memikirkan hubungan antara pasangan itu dengan tema sajak. Persembahan boleh dimulakan dengan sketsa tentang kepincangan masyarakat yang berkaitan dengan tingkah laku muda mudi dan diikuti dengan deklamasi sajak ‘Gadis dengan Bulu Ayam’. Seorang deklamator hendaklah sanggup beraksi mengikut isi dan stail karya. Pada tempat yang memerlukan lakonan maka dia hendaklah berlakon namun hadnya tidak pasti ada agar tidak sama dengan lakonan dalam drama (2008, hlm. xxi).

Jelita itu turun dari rumahnya  
Berjalan-jalan di halaman  
Berjalan-jalan dengan penuh keriangan  
Matanya menikam pohon  
Menikam bukit di kejauhan  
Kembali ke pohon diri  
Ke bukit diri  
Dia senyum sendirian  
Dengan penuh kemudaan

Segala-galanya cantik  
Segala-galanya menarik  
Sesekali tangannya didepangkan  
Sesekali nafasnya dipanjangkan  
Kesegaran ini  
Dibaluti kesegaran alam  
Bunga-bunga berkembangan  
Rama-rama berterbangan  
Dia terus perlahan berjalan  
Matanya berkisar di sekitar halaman  
Tiba-tiba tertembung sehelai bulu ayam  
Yang terbaring di atas rumput halaman  
Cantik rumput halaman  
Cantik bulu ayam  
Gadis itu mendekati  
Membongkok mencapai bulu ayam  
Dibawanya melangkah  
Dibawanya bersiar  
Dibawanya ke rumah  
Dibawanya ke kamar

Di kamar, gadis itu berbaring di atas katil  
Tangan kanannya memegang bulu ayam  
Tangan kirinya mengusap-usap bulu ayam  
Tapi tiba-tiba muncul kebosanan  
Bulu ayam dicarik-carikkan  
Dicarik-carikkan  
Diletaknya dihujung kepala  
Dia terus berbaring  
Fikirannya jauh saujana masa  
Mengenang duka pengganti ria  
Dia terlena sejenak

Selok terjaga  
Segera dicapai bulu ayam  
Yang rupanya tercantum cantik  
Ditatapnya seketika  
Dicarik-carikkan pula  
Dia bangun  
Bulu ayam diletakkan pula  
Di atas almari cermin muka  
Gadis itu melihat wajahnya di cermin  
Kemudian melompat di atas katil

Melompat dan melompat lagi  
Meluruskan tangan ke atas  
Meluruskan tangan ke hadapan  
Melompat lagi  
Melompat dengan kaki terbuka  
Melompat dengan kaki tertutup  
Membongkok dan menegak  
Sehingga keringat membasahi tubuhnya  
Dia turun menghadapi cermin muka  
Wajahnya kemerahan  
Dicapainya bulu ayam  
Yang kembali tercantum seperti asal

Untuk kesekian kali  
Dia mau mencarik-carikkan bulu ayam itu  
Tapi kali ini dia menerima penentangan:  
Hai budak perempuan  
Kenapakah aku kaucarik-carikkan?

Kerana tergamam, terlepas bulu ayam  
Tapi kemudian dia gembira  
Bulu ayam dipungutnya semula

Janganlah marah, bulu ayam  
Aku hanya berbuat sesuatu  
Untuk mengisi masa lapangku  
Bulu ayam meningkah  
Mengisi masa lapangmu?  
Tiadakah kerja lain yang berguna  
Mencarik-carikkan aku tiada makna

Dengan nada penuh kesungguhan  
Dengan mata tepat ke sasaran  
Gadis berkata:

Dengarlah hai bulu ayam  
Bicaraku ini  
Aku mencarik-carikkan kau  
Diiringi fikiran tentang nasibku  
Yang tidak sebaik nasibmu,  
Kau kucarik-carikkan berkali-kali  
Kau bercantum lagi  
Elok kembali  
Tidak seperti aku gadis remaja  
Musim gadisku sekali cuma  
Jika dicarikkan kegadisanku ini  
Tidak akan bercantum kembali

Rahman Shaari mendidik deklamator agar menguasai tiga perkara semasa deklamasi sajak dilakukan iaitu gaya deklamasi, teknik dan penghayatan. Ketiga-tiga elemen ini penting untuk menyampaikan puisi secara berkesan disamping menghafal puisi tersebut dengan baik. Gaya deklamasi berkait rapat dengan keperibadian dan keyakinan. Ketika berdeklamasi maka perlulah diiringi dengan mimik muka dan pergerakan tangan sekadarnya dan yakin dengan puisi yang dipersembahkan. Jika tidak, khalayak akan tidak akan dapat menghayati puisi yang dipersembahkan (2008, hlm. 2).

Teknik ditekankan dalam karya puisi Rahman Shaari untuk persediaan deklamasi puisi dengan baik. Apabila deklamator bersiap sedia sejak sehari dua sebelum menyampaikan puisi maka dia akan menemukan teknik, contohnya, dia memutuskan untuk duduk di atas tungkul kayu dan sebagainya (2008, hlm. 47). Seterusnya, penghayatan amat penting diterapkan oleh seseorang deklamator. Penghayatan akan dapat dirasai oleh penonton. Penonton yang sensitif dan memahami seni persempahan akan dapat melihat setiap aspek pendeklamasiannya puisi. Mana-mana yang terasing akan menjadikan deklamasi puisi itu merosot. Misalnya jika gerak tubuh tidak menepati pengucapan puisi atau mimik muka tidak memenuhi keperluan puisi maka persempahan puisi tersebut menjadi janggal (2008, hlm.75) Ini akan mengganggu penghayatan dan makna puisi yang ingin disampaikan tidak terkesan di hati khalayak. Misalnya dalam rangkap ketiga sajak iaitu:

Tiba-tiba tertembung sehelai bulu ayam  
Yang terbaring di atas rumput halaman  
Cantik rumput halaman  
Cantik bulu ayam  
Gadis itu mendekati  
Membongkok mencapai bulu ayam

Apabila deklamator menyampaikan puisi dengan nada ‘terkejut’ ketika menyebut ‘tiba-tiba’ dalam sajak di atas lalu dia membongkok seolah-olah mengambil sebuah bulu ayam pastinya khalayak akan tersentak dan menumpukan perhatian pada sajak. Selain itu, apabila penghayatan, gaya deklamasi dan juga teknik diterapkan dalam menyampaikan sajak ini, apakah lagi jika diserikan dengan lakonan watak muda mudi di pentas maka pasti khalayak akan lebih terayun dan terkesan dengan maksud yang ingin disampaikan oleh deklamator. Di sinilah komunikasi berkesan berhasil. Khalayak memahami bahawa menjaga maruah diri bagi seorang perempuan itu tidak sama dengan bulu ayam. Bulu ayam yang dicarik-carik bulunya tetap akan bertaup semula. Namun, jika maruah seorang perempuan itu telah tercaltar maka ‘nasi telah menjadi bubur’ tiada apa-apa yang dapat dilakukan. Tingkah laku dan tutur bicara deklamator yang berkeyakian menjadikan puisi juga dapat membentuk diri menyampaikan komunikasi secara berkesan.

Dalam teori Stistik, sajak ini juga mempunyai unsur-unsur dramatik. Unsur-unsur dramatik ini akan mengarah kepada gaya individualisme pengarang. Pemilihan daksi sajak bagi menggambarkan adegan dramatik ini dapat dikesan melalui rangkap berikut:

Dia mau mencarik-carikkan bulu ayam itu  
Tapi kali ini dia menerima penentangan:  
Hai budak perempuan  
Kenapakah aku kaucarik-carikkan?

Dalam unsur dramatik ini, eksplorasi bahasa diterapkan untuk memperindah sesebuah karya puisi. Selain itu, dari sudut struktur sintaksisnya, pengarang meletakkan unsur personifikasi dalam sajak apabila bulu ayam diberi watak manusia yang boleh berkomunikasi dengan gadis tersebut. Walaupun ia agak ganjil namun ia sengaja dilakukan untuk mendapatkan makna yang sinis. Menurut Mana Sikana, apabila kita mendengarnya, ia akan membawa keunikan dan keganjilan namun maknanya dapat menusuk ke dalam jiwa kita (2015, hlm.160).

Selain itu, penggunaan bunyi atau fonologi juga diterapkan dalam sajak ini untuk menimbulkan perasaan marah, sedih dan kecewa. Penggunaan struktur sintaksis dalam sajak ini memberi penekanan terhadap aspek deviasi yang berkesan. Contohnya:

Janganlah marah, bulu ayam  
Aku hanya berbuat sesuatu  
Untuk mengisi masa lapangku  
Bulu ayam meningkah  
Mengisi masa lapangmu?  
Tiadakah kerja lain yang berguna  
Mencarik-carikkan aku tiada makna

Selain itu, dalam Stilistik, kajian juga mementingkan makna atau semantik. Penggunaan bahasa bermula dengan taburan bunyi, pemilihan perkataan dan penyusunan ayat atau sintaksis bertujuan untuk mendapatkan makna. Lihat sahaja rangkap sajak ini:

Tidak seperti aku gadis remaja  
Musim gadisku sekali cuma  
Jika dicarikkan kegadisanku ini  
Tidak akan bercantum kembali

Kebijaksanaan pengarang dalam mengekspresikan perasaan dan perumpamaan sehelai bulu ayam merupakan keterampilan dalam berbahasa yang terarah kepada komunikasi berkesan. Menurut Hendri Wahyu Prayitno, keterampilan menulis puisi berkait rapat dengan latihan mempertajam perasaan, penalaran dan daya khayal serta kepekaan terhadap masyarakat, budaya dan lingkungan hidup (2013, hlm.2 )

Seterusnya, sajak bertajuk ‘Diam’ dipilih memandangkan aspek penceritaan dalam sajak atau bercorak naratif. Sajak ini dihasilkan dalam tahun 2005 merupakan sajak yang penuh dengan unsur kesinisan.

### ‘Diam’

Dulu  
Kulihat dia diam  
Sesekali angguk sesekali senyum  
Dia ialah watak yang tekun  
Sering berada di forum-forum  
Sekali aku bertanya  
“kenapa saudara diam,  
Sedang nama sering disebut  
Penuh penerimaan penuh ketokohan?”

“Saya diam untuk faham.” Jawabnya  
“Biarlah mereka bersuara,  
Saya di sini mengukur daya  
Mengukur upaya  
Pandaikah mereka, bodohkah mereka?”  
Fikiranku kian tertumpu  
Dia kukira bijak laku  
Dengan diam begitu dengan sikap begitu

Sekarang dia masih ke forum-forum  
Suaranya lantang membahang  
Menyerang dan menentang  
Jika aku diminta pandangan  
Aku ingin mengesyorkan:  
“Eloklah saudara diam,”

Dalam mendeklamasikan sajak ini, deklamator perlu memikirkan teknik yang sesuai untuk menyampaikan sajak. Sajak ini sukar dilakukan. Jika diteliti, sajak ini penuh kesinisan atau berbentuk konfesional. Bagi menimbulkan komunikasi berkesan, seorang deklamator perlu memikirkan teknik dan penghayatan. Menurut Rahman Shaari, sajak ‘Diam’ tidak sesuai dengan elemen lakonan. Oleh itu, sajak Rahman Shaari ini pernah disampaikan oleh penyair bernama Intan Marhayu dengan baik. Menurut Rahman Shaari, Intan Marhayu hanya mengaplikasikan teknik suara, mimik muka dan gerak badan. Dengan kombinasi elemen-elemen tersebut, maksud sajak telah dapat dihayati oleh khalayak. Ini jelas menunjukkan, tanpa unsur lakonan dengan watak muda-mudi seperti sajak ‘Gadis dan Bulu Ayam’, sebuah sajak itu masih dapat menimbulkan komunikasi yang berkesan dengan khalayak. Penyair dapat menyampaikan maksud sajak dengan baik. Justeru, dengan mengabadikan teknik yang betul dan penghayatan yang jitu terhadap sebuah puisi maka ia akan menjadi lebih bermakna apabila puisi yang dipersembahkan mendapat sambutan oleh khalayak (2005, hlm. xxiv).

Apabila dikaji dari sudut Stilistik, berdasarkan rangkap ini:

“Biarlah mereka bersuara,  
Saya di sini mengukur daya  
Mengukur upaya  
Pandaikah mereka, bodohkah mereka?”  
Fikiranku kian tertumpu  
Dia kukira bijak laku  
Dengan diam begitu dengan sikap begitu

Pemilihan kata atau diksi dalam rangkap ini dari segi penyusunannya terdapat asonansi seperti ‘mengukur daya’, ‘mengukur upaya’, ‘pandaikah mereka’, ‘bodohkah mereka’, ‘fikiranku kian tertumpu’, ‘dia kukira bijak laku’, dan ‘dengan diam begitu’, yang diatur dengan sebaik-baiknya tetapi rangkap ini penuh dengan sindiran atau makna tersirat.

Lihat pula rangkap berikut:

“saya diam untuk faham.” Jawabnya  
“Biarlah mereka bersuara,  
Saya di sini mengukur daya  
Mengukur upaya  
Pandaikah mereka, bodohkah mereka?”

Berdasarkan sajak ini, selain sindiran, sajak ini bercorak abstrak maka maknanya perlu diteliti. Dari segi semantik, penggunaan bahasa, pemilihan perkataan dan penyusunan ayat membawa makna yang tersirat. Oleh itu, pendekatan Stilistik ini menjurus kepada mencari makna sajak dengan mengaitkan dengan persoalan dan tema sajak. Maka aspek semantik akan dapat dikenal pasti dalam sajak.

Akhirnya, hayati pula sajak bertajuk ‘Persatuan’ hasil cetusan idea Rahman Shaari pada tahun 1979 yang termuat dalam kumpulan puisi ‘Anjung Deklamator’,

**'Persatuan'**

Sukar memahami ahli  
Sukar juga ahli  
Untuk memahami

Kita harus pergi pada tujuan  
Dengan harapan hidup  
Pengerusi sesekali di bawah  
Ahli wajar dengan haknya  
Dan faham arah  
Pentadbir dengan kuasa kecil  
Atau terpencil  
Kepala persatuan bukan si tunggal  
Barangkali pengerusi hanya telinga  
Timbalannya mungkin mata  
Setiausaha mulut yang berbicara  
Atau semua di luar pembatasan  
Ahli yang berada di hujung mesyuarat

Mungkin jantung penentu hayat  
Si Awang yang penurut  
Si Buyung yang sering risau  
Si Melur yang kerap menentang  
Barangkali darah  
Daging dan tulang atau urat  
Penentu kudrat  
Kita adalah pelbagai yang bersatu  
Menentang dan bersetuju  
Kita harus pergi kepada tujuan  
Dengan harapan dan kesediaan  
Kita harus memahami arah  
Dengan akal cerah  
Sukar memahami ahli  
Sukar pula ahli  
Untuk saling memahami  
Dan persatuan harus hidup  
Di celah kesukaran ini

Dalam mempersembahkan sajak ini, Rahman Shaari menyatakan penghayatan amat dipentingkan dalam pementasan sajak. Deklamator akan dapat menikmati persembahan yang dilaksanakan dengan yakin. Sajak 'persatuan' ini merupakan sajak yang dihafal dan sering dipersembahkan oleh Rahman Shaari (2008, hlm.vi). Menurut Rahman Shaari, sajak ini perlu penghafalan kerana penghafalan menyebabkan persembahan dapat dihayati sepenuhnya. Penghafalan perlu diiringi penghayatan yang tulen (2008, hlm.vi). Aspek komunikasi berkesan berhasil apabila penghayatan dapat dirasai oleh khalayak. Khalayak berasa sensitif dan memahami seni pementasan akan dapat melihat setiap aspek pendeklamasiyan sajak.

Berdasarkan teori Stilistik pula, penilaian dalam pembentukan ayat dan pemilihan perkataan dalam sajak tersebut menggambarkan pelbagai makna simbolik bagi menimbulkan gaya yang berkesan dan membantu sesebuah karya menjadi baik. Contohnya:

Si Awang yang penurut  
Si Buyung yang sering risau  
Si Melur yang kerap menentang

Menggambarkan secara simbolik pelbagai karenah masyarakat dalam berpersatuan yang harus ditangani oleh pengerusi persatuan. Pengarang mengumpamakan jawatankuasa tertinggi persatuan seperti:

Kepala persatuan bukan si tunggal  
Barangkali pengerusi hanya telinga  
Timbalannya mungkin mata  
Setiausaha mulut yang berbicara  
Atau semua di luar pembatasan

Pemilihan perkataan simbolik seperti 'telinga', 'mata', 'mulut' membicarakan tentang peranan jawatankuasa tertinggi persatuan yang harus peka dengan kehendak ahli. Fungsi pendeklatan Stilistik ini mengemukakan apakah perlambangan dan ambiguiti dalam karya dapat membantu pembaca memahami aspek deviasi dalam sajak. Dengan demikian, sesebuah karya sajak itu dapat diteliti secara lebih jelas.

Sebagaimana yang diterangkan dalam metodologi, ciri-ciri atau elemen komunikasi berkesan adalah berdasarkan ketiga-tiga sajak yang dikaji yang turut mewakili aspek ketiga-tiga petua dalam ‘Anjung Deklamator’ seperti yang disarankan oleh Rahman Shaari iaitu ‘gaya persembahan’, ‘teknik’ dan ‘penghayatan’. Kajian ini memberi fokus kepada aspek komunikasi berkesan yang diterapkan dalam persembahan sajak artistik beliau. Rahman Shaari sentiasa yakin ketika menyampaikan bait-bait sajaknya. Tidak pernah beliau merujuk kepada mana-mana nota atau kertas ketika beraksi di atas pentas sajak. Menurut Rosli Saludin, Rahman Shaari yakin dengan persembahan puisi secara hafalan kerana penghafalan menyebabkan persembahan dapat dihayati sepenuhnya. Namun, hafalan yang tidak disertai dengan penghayatan tidak akan membawa hasil yang memuaskan (2008, hlm. vi).

Rahman Shaari juga memberikan beberapa panduan untuk mewujudkan deklamasi sajak menjadi berkesan selain daripada teknik hafalan. Deklamator perlu mengambil berat tentang mimik muka, perubahan suara, gerak tubuh dan hal-hal yang berkaitan dengan teater dan drama yang amat penting dititik beratkan dalam persembahan sajak artistik beliau (2008, hlm. vi). Kesemua elemen ini sebenarnya adalah ciri-ciri komunikasi berkesan yang amat jelas. Sekiranya ia diterapkan oleh seseorang individu dalam menyampaikan maklumat dengan penuh berkeyakinan diikuti dengan gerak tubuh, mimik muka tersenyum, gembira, sedih dan sebagainya serta pelbagai intonasi suara maka sudah tentu seseorang individu tersebut dapat mempengaruhi khalayak dengan pelbagai cara sama ada khalayak menunjukkan simpati, empati, gembira dan sebagainya. Inilah yang harus disedari oleh masyarakat tentang peranan puisi dalam mendidik anak bangsa membina komunikasi berkesan. Ia bukanlah khayalan atau ‘omong kosong’ sekiranya dipraktikkan maka kita akan dapat membina keyakinan diri individu dalam berkomunikasi secara berkesan.

Menurut Ismail Salleh, Saadiah Maalip dan Mohammad Fadzeli Jaafar dalam bukunya bertajuk ‘Keterampilan Berbahasa dan Berkommunikasi’ menyatakan bahawa gaya percakapan berkait dengan pemilihan diksi yang sesuai. Penghafalan samalah juga dengan proses pengingatan. Aspek penghafalan memerlukan latihan yang stabil. Seseorang individu harus mampu menyampaikan argumennya dengan lancar dan teratur untuk mempengaruhi khalayak (2001, hlm. 8). Maka kajian ini amat signifikan bagi mengkaji komunikasi berkesan dengan aspek teori Stilistik yang terkandung di dalam sajak.

A. Halim Ali (2013, hlm.124) menyatakan semua aspek kepengarangan baik gaya bahasa, teknik pengolahan, sumbangan, penghasilan dan sebagainya akan menjadi indikator untuk menentukan posisi pengarang. Sebagaimana kata Wellek, tiada satu pun karya yang unik dan pengarang yang mengejar individualiti akan menemui kesulitan.

Dalam setiap persembahan puisi artistik Rahman Shaari akan mendeklamasi sajaknya dengan teknik lakonan, intonasi suara yang pelbagai mengikut sajak dalam bentuk naratif, dan penggunaan kostum mengikut kesesuaian amat menarik khalayak untuk memberi tumpuan pada persembahan sajaknya. Menurut Rosli Saludin, Rahman Shaari menyampaikan sajak ‘Harimau Luka’ buat pertama kali di Port Dickson dalam tahun 1999. Dalam persembahan ini, Rahman Shaari memakai baju separuh belang membayangkan separuh tubuhnya ialah harimau. Beliau juga memakai sarung tangan yang menunjukkan sebelah tangannya ialah kaki depan harimau. Pakaian yang sedemikian, merupakan pelaksanaan pengajarannya sendiri, iaitu “...bahawa pakaian untuk persembahan hendaklah sentiasa diperhitungkan.”

Beliau juga mengaplikasikan pelbagai intonasi suara ketika menyampaikan sajak tersebut iaitu suara manusia dan ‘suara harimau’ yang dapat menarik perhatian khalayak. Selain itu, Rahman Shaari juga konsisten dengan persembahannya, menurut Mohd Rosli Saludin lagi, ketika Rahman Shaari mendeklasasikan sajak ‘Mengepong Puteri’ di rumah PENA pada tahun 2005, sajak itu bertemakan cinta seorang pemuda parti pembangkang terhadap gadis keluarga parti kerajaan. Beliau menyampaikan sajak ini dengan penuh kelucuan (2008, hlm.viii). Ini jelas membuktikan, persembahan puisi artistik Rahman Shaari menonjolkan komunikasi berkesan sehingga dapat menarik perhatian khalayak. Jika sajak ini dideklasasikan secara konvensional iaitu hanya membaca nota sajak di atas pentas, maka sudah pasti ciri-ciri komunikasi berkesan tidak dapat

dihasilkan dan khalayak pasti berasa jemu mendengarnya. Hal ini sememangnya dibimbangi oleh beliau terhadap masa hadapan puisi ditulis dalam bukunya ‘Anjung Deklamator’, beliau menyatakan setelah lama berkecimpung dalam puisi moden, beliau melihat puisi tidak mempunyai masa hadapan. Terlalu banyak puisi yang tersiar di dada akhbar tidak dipedulikan khalayak, lalu beliau berusaha menjadikan pentas persembahan sebagai daya penarik berpuisi dengan menerapkan persembahan puisi artistik.

Secara kesimpulannya, aspek penyampaian komunikasi berkesan dapat dibuktikan dalam persembahan puisi artistik Rahman Shaari. Kajian ini diperteguh dengan teori Stilistik yang sangat signifikan diterapkan dalam kajian ini. Melalui teori ini beberapa prinsip Stilistik telah diterapkan sehingga dapatlah diyakini bahawa Rahman Shaari berjaya membina gaya individualisme dalam hasil karya sajaknya.

### **Perbincangan**

Dalam kajian ini, pengkaji telah menemukan elemen komunikasi berkesan dalam persembahan puisi artistik Rahman Shaari dalam bidang perpuisian melalui kumpulan puisi beliau iaitu ‘Anjung Deklamator’. Tambahan pula, corak penulisan sajak Rahman Shaari semakin terserlah apabila beliau berani mengorak langkah dengan mengkritik secara berseni dalam sajaknya untuk menyampaikan kepincangan yang berlaku pada ketua organisasi atau negara, pemimpin, dunia politik, dan masyarakat. Beliau juga cenderung kepada aspek naratif yang mana menurut Muhammad Haji Salleh dalam ‘Seminar Kebangsaan Puisi Melayu Tradisional’ (2008, hlm.10) Aspek naratif sering digunakan dalam puisi sebagai alat pengisahannya, kita sedar betapa syair-syair terkenal menggunakananya dan berjaya pula.

Teori Stilistik sangat signifikan diterapkan dalam kajian ini, melalui teori ini dapatlah diyakini bahawa Rahman Shaari berjaya membina dan menghasilkan karya dengan gaya bahasa yang tersendiri. Sajak beliau mempunyai unsur-unsur diksi, sintaksis, semantik dan unsur dramatik yang menemukan gaya individualisme bagi membina stail peribadinya.

Justeru, dalam membicarakan hasil karya sajak penyair Rahman Shaari, beliau semakin mengorak langkah memperlihat sifat keberanian dalam penulisan puisi yang sangat penting. Beliau kian membina gaya individualismenya dengan persembahan puisi artistik dalam berkarya. Setiap karya yang dihasilkan mencerminkan kematangan sehingga beliau diiktiraf di peringkat antarabangsa.

### **KESIMPULAN**

Kajian ini dapat menemukan ciri-ciri atau elemen komunikasi berkesan dalam persembahan puisi artistik Rahman Shaari yang terkandung dalam ‘Anjung Deklamator’ dan dapat menganalisis bahasa yang diterapkan dalam karya beliau. Dengan menerapkan teori Stilistik yang sangat bertepatan dengan kajian bahasa. Rahman Shaari sememangnya tokoh yang perlu mendapat apresiasi daripada ramai pengkaji dalam kalangan ahli ilmiah agar hasil karya beliau dapat diletakkan ditahap yang terhebat sebaris dengan nama-nama besar sasterawan lain seperti Usman Awang, A. Samad Said, Baha Zain, Arena Wati dan sebagainya. Secara kesimpulannya, kajian ini dapat membuktikan aspek komunikasi berkesan dalam persembahan puisi artistik Rahman Shaari dengan disulami aspek gaya bahasa berasaskan prinsip yang terdapat dalam teori Stilistik. Sajak-sajak beliau yang lebih cenderung kepada yang bersifat naratif, konfesional dan sinis menjadikan munculnya kepelbagaiuan unsur estetik dalam setiap sajaknya. Justeru, seseorang individu yang dapat mendeklamasi puisi dengan baik secara persembahan artistik yang terapkan oleh Rahman Shaari maka pastinya ciri-ciri komunikasi berkesan dapat diterapkan secara tidak langsung dan inilah yang perlu disedari oleh para

ilmuan terutama golongan pendidik dalam membimbing murid ke arah keterampilan dan keyakinan diri.

## **RUJUKAN**

- Abdul Halim Ali. (2013). *Memahami puisi Melayu tradisional*. Tanjung Malim: Budiman.
- Ismail Salleh, Saadiah Maalip, Muhammad Fadzeli Jaafar. (2001). *Keterampilan berbahasa dan berkomunikasi*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- M. Atar Semi. (1993). *Metode penelitian sastra*. Penerbit Angkasa Bandun
- Mana Sikana. (2015). *Koleksi teori sastera*. Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (1997). *Pembangunan Seni & Sastera*. Jabatan Persuratan Melayu.
- Mohd Rosli Saludin. (2013). Puisi Melayu tradisional. *Jurnal Peradaban Melayu* Jil (8).
- Muhammad Haji Salleh. (2008). *Seminar Kebangsaan Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan*: Mc Graw Hill Education.
- Rahman Shaari (2008). *Anjung deklamator*. Ampang: Pekan Ilmu Publication
- Rahman Shaari (2005). *Kemantapan puisi Melayu moden: Satu Tinjauan*. Ampang: Pekan Ilmu Publication Sdn Bhd
- Rahman Shaari. (2007). *Rahman Shaari penerima Anugerah Sea Write Awards 2007*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan (esei, proposal, tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors.